TERHAD

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
*The National University of Malaysia*

PEJABAT PENGARAH HCTM • *DIRECTOR'S OFFICE OF HCTM*

**Rujukan : UKM HTM/224/5**
**Tarikh : 1 Mac 2022**

**PEKELILING PEJABAT PENGARAH HCTM BIL.6/2022**

Semua Ketua
Jabatan/Unit/Pusat
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

YBhg. Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PROSEDUR PENGURUSAN KONTAK RAPAT DALAM KALANGAN KAKITANGAN HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ**

Dengan segala hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas,

2. Susulan penambahbaikan Garis Panduan dan Prosedur Pengurusan Kontak Rapat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) Bil. 6/2022 bertarikh 22 Februari 2022 bersetuju mengemaskini Prosedur Pengurusan Kontak Rapat Kakitangan HCTM seperti yang dilampirkan bersama Pekeliling ini.

3. Sehubungan dengan itu, sukacita pihak YBhg. Prof./Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan dapat memaklumkan perkara ini kepada kakitangan di bawah seliaan masing-masing. Sekiranya terdapat kemusykilan berkaitan perkara ini, pihak Jabatan boleh berhubung dengan Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP), HCTM.

Kerjasama YBhg. Prof./Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,

**PROFESOR DATO' DR. RAZMAN JARMIN**
Pengarah
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

s.k - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)

TERHAD

# PROSEDUR MENGURUS KONTAK RAPAT COVID-19 DALAM KALANGAN KAKITANGAN HCTM




**HSO 3 days from UKKP**

**Monitor by PICs**

*Asymptomatic HCW within 90 days post COVID-19 Infection can continue to work without restrictions and does not require testing.
**Household contacts: HCW who is living or sleeping in the same home, or living in a shared accommodation sharing kitchen or bathroom facilities, or sexual partners of confirmed COVID-19 person

**MAKLUMAT TAMBAHAN:**

1. Kontak rapat perlu menjalani Ujian RTK Ag secara kendiri (swab atau saliva) di rumah dan keputusan perlu dihantar kepada PIC secara maya.
2. Kit ujian RTK Ag yang digunakan mestilah yang diiktiraf oleh KKM.
3. Kontak rapat **risiko tinggi dan bergejala** perlu menjalani **Ujian RTK Ag yang dilakukan di makmal** pada **hari ke 3 isolasi** sebelum kembali bertugas.
4. **Ujian RT-PCR** hanya akan dilakukan bagi **kes- kes tertentu** tertakluk kepada PIC di atas nasihat Pakar Penyakit Berjangkit.
5. Status di **MySejahtera TIDAK PERLU** di kemaskini bagi **semua kategori kontak rapat**.
6. Pemantauan ***Home Assessment Tool*** **(HAT)** perlu dilakukan oleh **PIC jabatan** masing-masing.
7. **Home Surveillance Order (HSO)** selama **3 hari diberi kepada kontak rapat risiko tinggi dan bergejala SAHAJA** secara manual.
8. Permohonan HSO dari PIC SAHAJA akan dilayan bagi memastikan tiada penyalahgunaan.
9. Permohonan boleh dikemukakan kepada oshekkl@ppukm.ukm.edu.my menggunakan Borang Notifikasi KKP COVID-19 (A). Sijil HSO anda akan diberi melalui balasan email kepada PIC.

Tarikh kuatkuasa : 22 Februari 2022

Diluluskan oleh Pengurusan Hospital Canselor Tuanku Muhriz bertarikh 22 Februari 2022